

Tiga fakulti UMP capai kebolehpasaran graduan

KUANTAN - Tiga fakulti Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencapai peratus tertinggi dalam kebolehpasaran graduan sepanjang tahun 2016 iaitu Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) diiktiraf terbaik apabila mencapai 99.1 peratus diikuti Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK) (97 peratus) dan Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) (96.1 peratus).

Kejayaan ini membolehkan UMP mencapai sebanyak 95.1 peratus graduan yang berjaya memperoleh pekerjaan mengikut rekod Kajian Pengesanan Graduan (Tracer Study) yang merupakan kaji selidik yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi sepanjang tahun lalu.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pencapaian itu merupakan peningkatan yang membanggakan hasil kerjasama



ma Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya (CPDC) Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) bersama pihak fakulti dan pusat tanggungjawab UMP.

Menurutnya, pelbagai program yang telah dianjurkan oleh CPDC dan fakulti untuk memberi kefahaman yang lebih baik untuk memenuhi keperluan pasaran kerjaya masa depan graduan

daripada pelbagai syarikat.

"Antara syarikat yang terlibat seperti RP Chemicals, Kaneka Malaysia, TT Elektronik dan banyak lagi telah memberikan pendedahan kepada penuntut UMP dalam menghadapi cabaran kerjaya pada masa akan datang.

"Selain itu juga, terdapat inisiatif-inisiatif dalam memotivasikan penuntut untuk

persediaan kerjaya masa depan seperti pelancaran 'Indie Zone' dan Program Finish Up & Move On (FUMO).

"Penuntut turut mengikuti sesi 'mock interview' bagi meningkatkan keyakinan diri penuntut untuk bersedia menjalani sesi temuduga yang sebenar," katanya ketika merasmikan Majlis Malam Apresiasi dan Makan Malam Graduate Employability (GE)

dan Tracer Study (TS).

Hadir sama, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr Jamil Ismail, Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid dan Pengarah Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya (CPDC), Datuk Jeffrey Khor Choi.

Sementara itu, bagi penuntut tahun akhir pula mereka akan diberi pen-

INFO

● Tiga fakulti cemerlang ialah Fakulti Kejuruteraan

Pembuatan, Teknologi Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi Industri

Daing Nasir (empat, kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Profesor Dr Wan Azhar atas pencapaian 99 peratus dalam kebolehpasaran graduan.

dedahan melengkapkan diri melalui penyediaan 'One Page Resume' atau OPR yang merupakan inisiatif untuk graduan UMP mempunyai resume seragam dan lengkap serta memudahkan persediaan mereka menghadapi temuduga kelak.

Daing Nasir berkata, pihaknya optimis melalui usaha dan komitmen padu oleh semua pihak akan menghasilkan sesuatu lebih bermakna dan berimpak tinggi demi memastikan agenda GE dan TS ini mencapai suatu yang bermakna di peringkat nasional.